

## Mesej Enam

### **Menjadi Wadah yang Terbuka kepada Tuan dan Menjalani Kehidupan Hari-hari Biasa dalam Pendispenan Divin daripada Triniti Divin**

Bacaan Bible: Kej. 2:7; Roma 9:21-23; 2 Kor. 4:7; 2 Tim. 2:20-21

#### **I. Langkah pertama dalam prosedur Tuhan untuk menggenapkan tujuan-Nya ialah mencipta manusia sebagai wadah untuk berisikan diri Dia sebagai hayat—Kej. 2:7:**

- A. Tuhan memilih kita agar kita dapat menjadi wadah terhormat yang dipenuhi Tuhan Tritunggal—Roma 9:21-23; 2 Kor. 13:14:
  1. Tuhan mencipta manusia sebagai wadah untuk berisikan-Nya; daripada wadah yang banyak ini, Dia memilih kita untuk berisikan-Nya, iaitu Tuhan yang terhormat, agar kita dapat menjadi wadah yang terhormat—4:7.
  2. Wadah terhormat dikonstitusikan daripada sifat divin (emas) dan sifat manusia yang telah ditebus dan dilahirukan (perak)—2 Tim. 2:20-21.
  3. Tuhan menyatakan kemuliaan-Nya ke atas kita yang merupakan wadah agar kita dapat menjadi wadah kemuliaan—Roma 9:23; 2 Kor. 3:18; 4:6-7:
    - a. Semua ini bergantung pada rahmat-Nya dan menurut rahmat-Nya; ini tidak dapat diperoleh melalui usaha-usaha kita.
    - b. Atas sebab ini, kita harus menyembah-Nya dan bersyukur kepada-Nya kerana rahmat-Nya—Roma 9:15-16, 18.
- B. Rumusan bagi empat belas Surat Paulus boleh diungkapkan dengan dua perka-taan: *wadah terbuka*:
  1. Wasiat Baru memperlihatkan kepada kita bahawa Tuhan menginginkan perca-yawan yang merupakan wadah mengasihi Dia dan mengekalkan diri mereka terbuka kepada-Nya—2 Kor. 3:16:
    - a. Jika bahagian terdalam diri kita tidak terbuka kepada Tuan, Dia tidak dapat mendispenkan diri-Nya ke dalam kita dan berumah dalam hati kita—Ef. 3:17.
    - b. Wadah terbuka tidak melakukan apa-apa tetapi mengekalkan dirinya terbuka agar dapat dipenuhi melalui pendispenan divin daripada Triniti Divin—2 Kor. 13:14.
  2. Kehidupan orang Kristian yang sejati ialah kehidupan yang mengasihi Tuan, mengekalkan dirinya terbuka kepada Tuan, dan menghentikan perlakuan-nya—Mrk. 12:30; 1 Yoh. 4:16-21:
    - a. Kemudian Tuan datang untuk melakukan segala-gala; wadah ini hanya berisikan Tuan dan menikmati pemenuhan dan perlakuan Tuan.
    - b. Kita hanya perlu mengasihi Tuan dan mengekalkan diri kita terbuka kepada-Nya, memberi Dia setiap peluang untuk melakukan segala-gala yang ingin dilakukan-Nya—Ef. 3:17.
    - c. Inilah kehidupan orang Kristian yang wajar dan sejati—Gal. 2:20.
  3. Kita harus berdoa, “Tuan, melalui kurnia-Mu, aku tidak mahu mana-mana bahagian diriku tertutup terhadap-Mu; aku memilih untuk mengekalkan diriku terbuka sepenuhnya dan secara tuntas kepada-Mu”:
    - a. Doa yang wajar, doa yang lebih dalam, dan doa yang sejati ini bererti mengasihi Tuan dan membuka diri kepada-Nya—Ef. 3:17-19.
    - b. Jika kita mempunyai doa sebegini, kita akan menjadi wadah yang hidup dan terbuka, serta Tuan akan ada jalan untuk memenuhi kita dengan diri-Nya—ay. 14-18.

- c. Apabila Tuan memenuhi kita, Dia melakukan segala-gala untuk kita—ay. 19.
- II. **Sebagai percayawan dalam Kristus, kita perlu belajar agar berpuas dengan kehidupan hari-hari biasa, mempunyai pengalaman yang lazim dan normal dalam pendispenan divin daripada Triniti Divin—Roma 8:2, 6, 10-11; Ef. 3:16-17a:**
  - A. Kita perlu menerima pendispenan divin sedikit demi sedikit, hari demi hari, menerima pendispenan ini berulang kali secara perlahan-lahan dan mantap—2 Kor. 13:14; Mat. 6:11; Mzm. 68:19:
    - 1. Tidak banyak hal rohani yang disempurnakan sekali buat selama-lamanya dalam kita; sebaliknya, seperti hayat jasmani kita, kebanyakan hal rohani perlu diulang berkali-kali—Yoh. 6:57b; 4:14; 1 Kor. 10:3-4.
    - 2. Segala-gala yang diberikan Tuhan kepada kita bukan diberi secara sekali gus sehingga perkara itu tidak dapat ditampung; sebaliknya, bekalan divin diberikan sedikit demi sedikit.
  - B. Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi berada dalam kita bukan dengan cara yang luar biasa, tetapi dengan cara yang biasa; atas sebab ini, kita perlu menjalani kehidupan orang Kristian yang mantap dan normal; makin tidak luar biasanya kita dan makin normalnya kita, makin baik—Kol. 1:27; 3:4; Ef. 3:16-17a.
  - C. Semua hal hayat yang diberikan Tuhan Tritunggal kepada kita menerusi pendispenan divin adalah senyap dan tenang, dan hayat kita sebagai percayawan juga harus senyap dan tenang; hari demi hari kita perlu hidup secara demikian, yakni menjalani kehidupan biasa yang menerima pendispenan divin—Roma 8:6; 1 Tes. 5:23; 2 Tes. 3:16.
  - D. Takdir kita ialah menjalani kehidupan biasa dalam pendispenan divin daripada Triniti Divin, kerana Bapa kita telah mentakdirkan kita supaya hidup secara biasa di bawah pendispenan-Nya yang berterusan—Mat. 6:11, 32-34; 24:40-41.
  - E. Sebagai percayawan, kita mengalami pendispenan divin daripada Triniti Divin melalui iktikad; Tuhan menginginkan kita melakukan segala-gala dengan bergantung pada-Nya, menerima Dia sebagai hayat, dan membenarkan Dia mendispenkan diri-Nya ke dalam kita—Ef. 3:17a; Ibr. 11:1.
  - F. Dengan cara ini, kita akan menjadi normal secara rohani, dan kerohanian kita adalah lazim dan normal tanpa apa-apa yang luar biasa—Roma 8:4, 6; Gal. 5:22-23.
- III. **Kehidupan hari-hari biasa dalam pendispenan divin merupakan perkara normal yang ajaib dalam ekonomi divin—1 Tim. 1:4; Ef. 3:9:**
  - A. Pengalaman-pengalaman terhadap Kristus, Roh itu, Tuhan Tritunggal, dan hayat divin serta sifat divin adalah sama sekali normal—ay. 16-17a.
  - B. Semua perkara rohani dan divin yang disediakan Tuhan untuk kita alami dan nikmati adalah normal; namun, perkara-perkara normal ini adalah ajaib, oleh itu boleh dikatakan sebagai perkara normal yang ajaib dalam ekonomi divin—1 Tim. 1:4; Ef. 3:9.
  - C. Kelahiruan ialah keajaiban terbesar, namun kelahiruan berlaku dengan cara yang normal; oleh itu, kelahiruan ialah perkara yang normal namun ajaib, yakni perkara normal yang ajaib dalam kehidupan Kristian kita—Yoh. 3:3, 5-6, 8; 1 Ptr. 1:23.
  - D. Menyeru nama Tuan ialah perkara yang normal, namun memang ajaib kerana apabila kita menyeru, kita menerima keseluruhan Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi—Roma 10:12; Yer. 33:3.